Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 6(1): 63 - 70 (1998)
ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu Terhadap Peningkatan Motivasi Pencapaian Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Sembilan

SIDEK MOHD NOAH dan MOHD ALI JAAMAT
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Katakunci: keberkesanan, modul motivasi, motivasi pencapaian

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menguji keberkesanan penggunaan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar disalah sebuah sekolah menengah di Jelebu, Negeri Sembilan. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah reka bentuk 'true experimental', ujian praujian pasca, kelompok kawalan rawak. Subjek kajian terdiri daripada 50 pelajar Tingkatan 4 yang kemudiannya diagihkan kepada tiga kumpulan secara rawak mudah menggunakan prosedur pemadanan. Tiga kumpulan tersebut ialah kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan secara kelompok, kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan secara kumpulan besar atau *mass* dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen diberikan rawatan menggunakan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang mengandungi lima fasa yang telah diperkenal oleh Sidek. Ketiga-tiga kumpulan telah diberikan Ujian Pencapaian Mehrabian sebelum dan selepas rawatan. Data-data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan ujian-t, dua sampel bersandar dan ANOVA sehala. Keputusan-keputusan yang diperoleh menunjukkan bahawa Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu telah dapat meningkatkan motivasi pencapaian di kalangan pelajar. Sehubungan dengan keputusan kajian yang diperoleh beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

ABSTRACT

The purpose of this study was to test the effectiveness of the Integrated Career Development Module in increasing the achievement motivation amongst secondary school students in Jelebu, Negeri Sembilan. The research design used in this study was the true experimental, pre-test, post-test randomised control group design. The subjects of this study were 50 Form Four students who were divided into three groups using simple random sampling, matching procedure. The groups were an experimental group which was given the treatment using group procedures, another experimental group which was given the treatment using mass procedures and, lastly, the control group. The experimental groups were given the treatment using the the five-phase Integrated Career Development Module formulated by Sidek. All three groups were given the Mehrabian Achievement Scale before and after the treatment. The data collected were then analysed using the two-sample dependent t-test and the ANOVA. The results of this study showed that the Integrated Career Development was effective in increasing achievement motivation among the students. Pertaining to the research findings, several implications and recommendations are put forward.

PENGENALAN

Menurut pandangan ahli teori behavioristik, motivasi tidak akan wujud tanpa matlamat. Sehubungan itu semakin kuat keinginan seseorang itu untuk mencapai matlamatnya, semakin besar pula kemungkinan seseorang itu mencapai matlamat tersebut (dalam Sidek 1996). Menurut Sidek (1993) pula, motivasi berasal dari dua kata kunci iaitu *motive* dan *action.* Motif adalah matlamat sementara aksi pula adalah usaha yang dicurahkan untuk mencapai matlamat tersebut.

Sementara itu teori dikemukakan yang oleh Atkinson (Atkinson and Raynor 1974) dan McClelland (1961, 1965, 1985) menjelaskan bahawa kecenderungan untuk menghasilkan sesuatu pencapaian adalah bergantung kepada dua faktor motif, iaitu motif untuk mencapai kejayaan dan motif untuk mengelakkan kegagalan di samping empat faktor situasi iaitu

kemungkinan untuk berjaya dan gagal dan insentif-insentif untuk berjaya dan gagal. Kajian oleh McClelland (1961) juga menunjukkan bahawa pencapaian akademik yang tinggi seringkali dikaitkan dengan individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi. Umumnya individu yang mempunyai motivasi pencapaian tinggi akan mempunyai kecenderungan untuk mencapai matlamat yang diinginkan serta berusaha untuk mencapai kepuasan melalui pemilihan bidang kerjaya yang bersesuaian.

Berdasarkan perspektif semasa, kebanyakan pelajar sekolah mempunyai pelbagai matlamat, matlamat tidak jelas atau tiada matlamat. Ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh individu kabur tentang keupayaan dirinya di samping tidak jelas dari segi hubungan antara keupayaan diri dengan pemilihan kerjaya. Nowak (1986) menyatakan bahawa individu yang mempunyai maklumat diri yang jelas mengenai personaliti, minat, nilai dan pencapaian selalunya mempunyai arah dan matlamat yang jelas juga. Individu yang tahu apakah bidang akademik atau kerjaya yang patut ia terokai yang selaras dengan potensi yang dimiliki selalunya bermotivasi tinggi dan gembira dengan pilihannya sendiri. Sebaliknya individu yang mempunyai maklumat diri yang kabur dan tidak jelas selalunya mempunyai banyak matlamat tetapi matlamat mereka kabur dan tidak terfokus. Mereka selalunya kurang bermotivasi atau tiada motivasi untuk mencapai sesuatu matlamat.

Banyak kajian telah dijalankan untuk melihat hubungan antara pembolehubah motivasi pencapaian dengan pembolehubah lain seperti pencapaian akademik, pencapaian kerja, prestasi kerja dan produktiviti. Namun begitu kajian-kajian khusus berbentuk eksperimen yang melibatkan rawatan bertujuan untuk meningkatkan tahap motivasi pencapaian agak terhad dan terbatas. Antara kajian yang telah dijalankan ialah kajian oleh Habibah (1991), Zarina (1991), Azliza (1992) dan Zalina (1994).

TUJUAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menentukan keberkesanan penggunaan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang diperkenal oleh Sidek Mohd Noah (Sidek 1992) terhadap peningkatan motivasi pencapaian di kalangan pelajar sekolah menengah. Untuk mencapai tujuan tersebut, persoalan kajian berikut telah dikemukakan:

Adakah penggunaan modul motivasi yang dikenali sebagai Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu dapat meningkatkan motivasi pencapaian pelajar?

Apakah kaedah penyampaian modul yang lebih berkesan sama ada secara kelompok atau secara *mass*?

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk *true experimental*, di mana ujian pra dan ujian pasca kumpulan kawalan rawak diaplikasikan. Reka bentuk *true experimental* dipilih kerana kajian eksperimental merupakan satu pendekatan untuk menentukan kesan sesuatu olahan (Tuckman 1978). Perubahan yang berlaku pada pembolehubah bersandar adalah disebabkan oleh pembolehubah tidak bersandar. Dalam kajian ini perubahan pada tahap motivasi pencapaian adalah disebabkan oleh penggunaan modul motivasi.

Populasi dan Sampel

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan Empat, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Subjek kajian terdiri daripada 50 orang Tingkatan 4 yang kemudiannya diagihkan kepada tiga kumpulan secara rawak mudah menggunakan prosedur pemadanan. Kumpulan tersebut ialah kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan secara kelompok (10 orang), kumpulan eksperimen yang mendapat rawatan secara kelompok besar atau *mass* (30 orang), dan kumpulan kawalan (10 orang).

Instrumentasi

Alat kajian yang digunakan terdiri daripada satu set soal selidik yang mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan-soalan untuk memperolehi maklumat diri. Bahagian kedua pula ialah alat ukuran Pencapaian Mehrabian yang digunakan untuk menentukan tahap motivasi responden. Alat ukuran Pencapaian Mehrabian telah dibentuk berasaskan kepada model motivasi pencapaian oleh Atkinson (1964). Alat ukuran pencapaian Mehrabian ini pula terbahagi kepada dua borang iaitu untuk lelaki dan wanita serta mengandungi 26 item positif dan negatif.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul dan Alat Ukuran Mehrabian

Kesahan dan kebolehpercayaan modul dan alat ukuran Mehrabian adalah tinggi. Kesahan dan

Kebolehpercayaan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang diperolehi melalui kajian rintis oleh Zurina (1992) berasaskan pekali kebolehpercayaan *alpha Cronbach* adalah antara .78 hingga .88. Alat ukuran Mehrabian telah diuji kesahan, kebolehpercayaan dan kesesuaiannya dalam konteks Malaysia oleh Aminuddin 1975; Mohd Nor, 1976; Abd. Jalil 1976; Suriyati 1989 (dalam Mohd Ali 1996). Pekali kebolehpercayaan untuk alat ukuran ini ialah .83.

Rawatan

Kumpulan eksperimen diberikan rawatan menggunakan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang telah diperkenal oleh Sidek (1992). Ketiga-tiga kumpulan diberikan ujian Pencapaian Mehrabian sebanyak dua kali iaitu sebelum dan selepas rawatan.

Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu mengandungi lima submodul kecil iaitu submodul 1, 2, 3, 4 dan 5 seperti yang terkandung dalam *Rajah 1*. Setiap submodul dalam modul ini mewakili fasa-fasa tertentu.

1. Submodul 1, Fasa I ialah Kenal Diri. Sub-modul ini adalah berkaitan dengan mengenalpasti potensi diri daripada segi personaliti, minat, nilai dan pencapaian individu. Ia mengandungi tiga unit iaitu Kenal Diri: Ujian Personaliti, Kenal-Diri: Ujian Minat Kerjaya; dan Kenal-Diri: Ujian Nilai Pekerjaan.
2. Submodul 2, Fasa II ialah Bina Matlamat. Ia adalah berkaitan dengan proses membina matlamat berasaskan potensi diri. Sub-modul ini mengandungi dua unit iaitu Maklumat Kerjaya dan Membina Matlamat Kerjaya.
3. Submodul 3, Fasa III ialah Beri Motivasi. Sub-modul ini adalah berkaitan dengan aktiviti memberi motivasi kepada individu secara luaran melalui ceramah motivasi. Ia mengandungi dua unit iaitu Teknik Memotivasikan Diri dan Perkongsian Maklumat oleh Individu Berjaya.
4. Submodul 4, Fasa IV ialah Teknik Asas. Sub-modul ini adalah berkaitan dengan pemberian teknik asas kepada individu untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Ia mengandungi tiga unit iaitu Teknik Belajar dan Mengambil Nota; Teknik Menghadapi Peperiksaan; dan Teknik Mengurus Masa dan Mengurus Ketegangan.
5. Sub-modul 5, Fasa V ialah Teknik Lanjutan. Submodul ini berkaitan dengan pemberian teknik lanjutan kepada individu untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan. Ia mengandungi dua unit iaitu Teknik Menghadiri Temu duga dan Teknik Menulis Resume.

HIPOTESIS KAJIAN

H_1: Terdapat peningkatan skor ujian pasca bagi kumpulan eksperimen yang mana rawatan dilakukan secara kelompok bagi pembolehubah motivasi pencapaian.

H_2: Terdapat peningkatan skor ujian pasca bagi kumpulan eksperimen yang mana rawatan

Kenal Diri (Fasa I)	Bina Matlamat (Fasa II)	Beri Motivasi (Fasa III)	Teknik Asas (Fasa IV)	Teknik Lanjutan (Fasa V)
Motivasi Dalaman		Motivasi Luaran		
• Personaliti • Nilai • Minat • Pencapaian Meneroka Kekuatan diri dan kelemahan diri sendiri	• Pelan Tindakan	• Ceramah • Kursus Motivati • Bengkel	• Belajar • Mengambil Nota • Menghadapi Peperiksaan • Pengurusan Masa • Mengurus Ketegangan	• Temu duga • Menulis Resume

RAJAH 1 Model Perkembangan kerjaya bersepadu
(Sumber: Sidek 1992)

dilakukan secara *mass* bagi pembolehubah motivasi pencapaian.

H_3: Terdapat peningkatan skor ujian pasca kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian.

H_4: Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca kumpulan eksperimen secara kelompok, kumpulan eksperimen secara *mass* dan kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian A

Bahagian ini mengemukakan dapatan kajian berkaitan pengujian hipotesis H_1, H_2, dan H_3. Untuk tujuan pengujian ketiga-tiga hipotesis ini, min skor ujian pra dan ujian pasca bagi ketiga-tiga kumpulan yang dikaji diuji menggunakan ujian-t, dua sampel bersandar dengan aras signifikan ditetapkan pada .05.

Hipotesis H_1 menyatakan terdapat peningkatan skor ujian pasca kumpulan eksperimen secara kelompok bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Skor min bagi bagi ujian pra ialah 124.0, manakala skor min bagi ujian pasca ialah 130.9 iaitu pertambahan sebanyak 6.90. Apabila perbezaan skor min ujian pra dan pasca diuji dengan ujian-t, dua sampel bersandar untuk menentukan kesignifikanannya, keputusan yang diperolehi ialah [t (9) = 2.583, $p < .05$] seperti yang terdapat dalam Jadual 1. Dengan keputusan ini, hipotesis H_1 yang menyatakan terdapat peningkatan skor ujian pasca kumpulan eksperimen secara kelompok bagi pembolehubah motivasi pencapaian adalah diterima. Eta^2 bernilai .425 yang diperolehi melebihi .25 menunjukkan bahawa skor ujian pra dan pasca adalah berbeza dan perbezaannya adalah besar.

Hipotesis H_2 menyatakan terdapat peningkatan skor ujian pasca bagi kumpulan eksperimen secara *mass* bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Skor min bagi bagi ujian pra ialah 124.0, manakala skor min bagi ujian pasca ialah 129.13 iaitu pertambahan sebanyak 5.13. Apabila perbezaan skor min ujian pra dan pasca diuji dengan ujian-t dua sampel bersandar untuk menentukan kesignifikanannya, keputusan yang diperolehi ialah [t (29) = 3.404, $p < .05$] (sila rujuk Jadual 1). Dengan keputusan ini, hipotesis H_2 yang menyatakan terdapat peningkatan skor ujian pasca kumpulan eksperimen secara *mass* bagi pembolehubah motivasi pencapaian adalah diterima. Eta^2 bernilai .285 yang diperolehi melebihi .25 menunjukkan bahawa skor ujian pra dan pasca adalah berbeza dan perbezaannya adalah besar.

Hipotesis H_3 menyatakan bahawa terdapat peningkatan skor ujian pos kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Skor min bagi bagi ujian pra ialah 124.0, manakala skor min bagi ujian pasca ialah 125.8 iaitu pertambahan sebanyak 1.80. Apabila perbezaan skor min ujian pra dan pasca diuji dengan ujian-t untuk menentukan kesignifikanannya, keputusan yang diperolehi ialah [t (9) = .6564, $p > .05$] (sila rujuk Jadual 1). Dengan keputusan ini, hipotesis H_3 yang menyatakan terdapat peningkatan skor ujian pasca kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian adalah ditolak. Eta^2 bernilai .046 yang diperoleh

JADUAL 1
Keputusan analisis ujian-t, skor ujian pra dan ujian pasca
bagi tiga kumpulan yang dikaji bagi pembolehubah motivasi pencapaian

Kumpulan	Ujian-Pra		Ujian-Pasca		dk	t	Sig. t	eta^2
	Min	SP	Min	SP				
Eksperimen Kelompok	124.0	6.66	130.90	10.57	9	2.583	.001	.425
Eksperimen Mass	124.0	9.78	129.13	14.43	9	3.404	.000	.285
Kawalan	124.0	6.66	125.80	10.48	9	0.656	.712	.046

Nota: Aras signifikan pada ∝ .05

menunjukkan bahawa perbezaan skor ujian pra dan pasca adalah kecil.

Bahagian B

Bahagian ini mengemukakan dapatan kajian berkaitan pengujian hipotesis H_4. Untuk tujuan pengujian hipotesis ini, min skor ujian pasca bagi ketiga-tiga kumpulan yang dikaji diuji menggunakan ujian ANOVA dengan aras signifikan ditetapkan pada .05.

Hipotesis H_4 menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca kumpulan eksperimen secara kelompok, kumpulan eksperimen secara *mass* dan kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Keputusan yang diperolehi ialah [F (2,47) = .381, $p > .05$] (sila rujuk Jadual 2). Dengan keputusan ini rumusan yang boleh dibuat ialah tidak tedapat perbezaan yang signifikan antara skor ujian pasca kumpulan eksperimen secara kelompok, kumpulan eksperimen secara *mass* dan kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Eta^2 bernilai .007 yang diperolehi menunjukkan bahawa tiada perbezaan skor min dalam ujian pasca untuk ketiga-tiga kumpulan yang dikaji.

PERBINCANGAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kumpulan rawak, ujian pra, ujian pasca di mana dua kumpulan eksperimen dan satu kumpulan kawalan telah digunakan. Menurut Isaac dan Michael (1984), reka bentuk ini mempunyai kekuatan di mana pembolehubah *extraneous* yang berlaku antara dua pengukuran iaitu ujian pra dan pasca dikawal kerana walaupun ia berlaku, ia memberi kesan kepada semua kumpulan yang dikaji. Ini termasuklah kesan kematangan dan praujian. Kesan daripada perbezaan pemilihan pula dikawal dengan kaedah pemilihan secara rawak, sementara regresi statistik dikawal dengan skor yang ekstrim diagihkan secara rawak ke dalam ketiga-tiga kumpulan (Isaac dan Michael 1984).

Pengujian hipotesis H_1 dan H_2 menunjukkan terdapatnya peningkatan yang signifikan dalam skor ujian pasca berbanding skor ujian pra bagi kedua-dua kumpulan bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Pertambahan sebanyak 6.90 untuk kumpulan eksperimen secara kelompok dan sebanyak 5.13 untuk kumpulan eksperimen secara *mass* jelas menunjukkan peningkatan ini. Ini bermakna para pelajar yang telah menerima rawatan menggunakan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu sama ada secara kelompok atau secara *mass* telah memperlihatkan peningkatan dalam skor motivasi pencapaian mereka. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa penyampaian modul menggunakan kaedah kelompok dan kaedah *mass* telah memberikan kesan yang lebih kurang sama dengan perbezaan hanya sebanyak 1.77.

Hipotesis H_3 menyatakan terdapat peningkatan skor ujian pasca kumpulan kawalan bagi pembolehubah motivasi pencapaian. Pengujian hipotesis ini menunjukkan bahawa tiada peningkatan skor motivasi pencapaian berlaku di kalangan para pelajar dari kumpulan kawalan yang tidak menerima apa-apa rawatan. Ini jelas apabila keputusan analisis ujian-t untuk menguji perbezaan skor min ujian pra (124.0) dan ujian pasca (125.8) bagi pembolehubah motivasi pencapaian telah menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan.

Pengujian hipotesis H_4 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor ujian pasca bagi pembolehubah motivasi

JADUAL 2
Keputusan analisis ANOVA skor ujian pasca kumpulan kajian secara kelompok, kumpulan kajian secara *mass* dan kumpulan kawalan

Sumber	dk	Jumlah Gandadua	Min Gandadua	Kadar *F*	Signifikan *F*	Eta^2
Antara Kumpulan	2	137.38	68.69	.381	.320	.007
Dalam Kumpulan	47	8470.00	180.21			
Jumlah	49	8607.38				

Nota: Tidak signifikan pada *ak* .05

pencapaian bagi ketiga-tiga kumpulan yang dikaji. Tidak terdapatnya perbezaan yang signifikan ini adalah disebabkan oleh perbezaan yang terlalu kecil antara skor min kumpulan eksperimen secara kelompok dengan skor min kumpulan eksperimen secara *mass* iaitu 1.77.

Walaupun wujud perbezaan skor min yang besar antara kumpulan eksperimen secara kelompok dengan kumpulan kawalan dan antara kumpulan eksperimen secara *mass* dengan kumpulan kawalan iaitu masing-masing 5.10 dan 3.33, namun perbezaan itu tidak mampu memperlihatkan perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga kumpulan melalui ujian ANOVA kerana dipengaruhi oleh perbezaan min yang terlalu kecil antara skor min kumpulan eksperimen secara kelompok dengan skor min kumpulan eksperimen secara *mass*.

Untuk mengenalpasti punca kepada perbezaan yang tidak signifikan ini ujian *post hoc multiple comparison* telah dijalankan. Hasil daripada ujian *post hoc multiple comparison* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pasca kumpulan eksperimen secara kelompok dengan kumpulan kawalan dan skor min ujian pasca kumpulan eksperimen secara *mass* dengan kumpulan kawalan. Perbezaan yang tidak signifikan hanya dikesan antara skor min kumpulan eksperimen secara kelompok dengan skor min kumpulan eksperimen secara *mass*.

Hasil dari pengujian ke atas H_1, H_2, H_3, dan H_4, yang telah dikemukakan jelas menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan yang menerima rawatan sama ada secara kelompok atau secara *mass* telah memperlihat peningkatan motivasi pencapaian, sementara kumpulan kawalan pula tidak menunjukkan apa-apa perubahan. Melalui pengujian ke atas keempat-empat hipotesis, jelas menunjukkan bahawa rawatan yang diberikan telah memberikan kesan kepada peningkatan motivasi pencapaian pelajar.

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa peningkatan motivasi pencapaian melalui kaedah kelompok adalah lebih kurang sama sahaja berbanding kaedah kelompok besar atau *mass*. Ini bermakna kandungan modul yang disampaikan kepada pelajar melalui kaedah kelompok memberi kesan yang sama dalam meningkatkan motivasi pencapaian berbanding kaedah *mass*. Ini jelas dengan keputusan ujian *post hoc multiple comparison* yang dijalankan. Walaupun kesan Hawthorne mungkin berlaku, beberapa langkah untuk meminimumkannya telah dilakukan. Antaranya ialah:

1. Kesemua pelajar Tingkatan 4 yang menjadi populasi kajian ini telah diberikan ujian pra.
2. Pelajar tidak diberitahu yang mereka terlibat dalam kajian.
3. Kaunselor yang terlibat dalam menjalankan ujian pra, rawatan, dan ujian pasca adalah kaunselor sekolah berkenaan yang sudah biasa dengan pelajar-pelajar di sekolah tersebut.
4. Di sekolah berkenaan terdapat banyak kumpulan yang dibentuk untuk pelbagai tujuan dan bagi mereka aktiviti kumpulan merupakan suatu kebiasaan.
5. Kajian ini melibatkan tiga kumpulan. Sekiranya kesan Hawthorne memberi pengaruh kepada kajian, ia akan memberi pengaruh kepada ketiga-tiga kumpulan dan tidak hanya kepada kumpulan tertentu sahaja.

Dengan reka bentuk kajian yang dikatakan mempunyai kekuatan oleh Isaac dan Micheal (1984) yang dapat mengawal beberapa pemboleh-ubah *extraneous* seperti yang telah dibincangkan di samping beberapa langkah yang dilaksanakan untuk meminimumkan kesan Hawthorne, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu oleh Sidek (1992) telah berjaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Dapatan kajian ini adalah selaras dengan dapatan oleh Zarina (1991), Azliza (1992) dan Zalina (1994) yang juga menggunakan modul yang sama.

IMPLIKASI KAJIAN

Dapatan kajian ini menunjukkan keberkesanan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang diperkenal oleh Sidek (1992) dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar. Modul yang mengandungi 12 unit ternyata berupaya meningkatkan motivasi pencapaian pelajar ke tahap yang sangat memuaskan. Dapatan ini adalah sangat signifikan dan memberi sumbangan kepada perkembangan ilmu pengetahuan terutama yang berkaitan dengan pengkajian motivasi. Kajian ini juga telah menghasilkan maklumat-maklumat penting yang boleh memberikan kita kefahaman yang lebih mengenai variabel motivasi pencapaian serta kaedah bagaimana untuk meningkatkannya.

Dengan terhasilnya bukti-bukti empirik mengenai kesesuaian dan keberkesanan Modul

Perkembangan Kerjaya Bersepadu Sidek dalam meningkatkan motivasi pencapaian, maka adalah sangat wajar modul ini diperluas penggunaannya di sekolah-sekolah. Setiap individu pelajar adalah wajar didedahkan dengan teknik-teknik mendorong dan memotivasikan diri ke arah pencapaian matlamat yang dicita-citakan.

Sistem pendidikan sekarang seharusnya tidak lagi hanya tertumpu kepada pencapaian akademik semata-mata, tetapi memberi pertimbangan yang sewajarnya ke atas variabel lain seperti kesesuaian jenis personaliti, minat, nilai dan pencapaian individu. Keselarasan antara ciri-ciri pelajar dengan bidang pengkhususan atau latihan amat penting kerana ia sering dikaitkan dengan tahap motivasi, kepuasan, stabiliti dan pencapaian yang tinggi (Holland 1985). Melalui Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang dilalui, para pelajar akan lebih menyedari betapa pentingnya mempunyai matlamat kerjaya yang benar-benar selaras dengan ciri-ciri diri.

CADANGAN

Modul ini merupakan satu-satunya modul perkembangan kerjaya bersifat menyeluruh yang sangat sesuai bagi para pelajar sekolah menengah. Unit-unit yang terkandung di dalamnya meliputi proses mengenali diri, membina matlamat kerjaya, teknik memotivasikan diri, teknik asas berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran serta teknik lanjutan yang sangat berguna dalam kehidupan seseorang untuk mencari dan mendapatkan kerja.

Kesempatan mengenali diri secara sistematik menggunakan teknik psikometrik melalui penggunaan ujian-ujian psikologi, Fasa 1; membuat penjelajahan kerjaya dan membuat keputusan kerjaya, Fasa 2; dan teknik memotivasikan diri, Fasa 3 adalah amat perlu kepada para pelajar. Di samping itu modul ini juga memberikan para pelajar peluang terbaik untuk memperoleh teknik-teknik asas seperti teknik mengambil nota, teknik belajar, teknik menghadiri peperiksaan, teknik mengurus masa, teknik mengurus ketegangan, Fasa 4; di samping teknik-teknik yang lebih khusus seperti teknik menghadiri temuduga dan teknik menulis resume, Fasa 5.

Lanjutan dari itu, cadangan-cadangan berikut dikemukakan. Adalah diharapkan cadangan-cadangan ini diteliti sewajarnya oleh semua pihak meliputi para kaunselor, pakar motivasi, pendidik, serta pengkaji akan datang yang berminat untuk memperdalami pembolehubah ini. Cadangan-cadangan itu ialah:

1. Oleh kerana Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu yang diperkenalkan oleh Sidek (1992) ini terbukti berkesan yang positif kepada peningkatan motivasi pencapaian, maka adalah sangat wajar kaunselor sekolah melaksanakan modul ini di sekolah masing-masing sebagai salah satu program tahunan mereka. Adalah dicadangkan agar modul ini dilaksanakan secara menyeluruh dan terancang terutama kepada pelajar Tingkatan 4, 5 dan 6 yang mana mereka ini secara relatifnya semakin menghampiri dunia pekerjaan.
2. Kajian ini merupakan yang kedua seumpamanya yang telah dijalankan di sekolah menengah di negara ini menggunakan Modul Perkembangan Kerjaya Bersepadu oleh Sidek (1992, 1993, 1996). Sebelum ini beberapa kajian telah dijalankan ke atas pelajar matrikulasi Universiti Putra Malaysia, Serdang, misalnya Zarina (1991) dan Zalina (1994) dan di sekolah oleh Azliza (1992) namun ianya hanya melibatkan Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 sahaja. Oleh yang demikian adalah dicadangkan agar beberapa kajian lanjutan dijalankan terhadap sampel yang lain untuk meninjau keberkesanan modul dalam pelbagai *setting* yang berlainan di samping melibatkan juga Fasa 4 dan Fasa 5.

RUJUKAN

Abd Jalil. 1976. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Latihan ilmiah, Jabatan Pendidikan, UPM, Serdang.

Aminuddin. 1975. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Latihan ilmiah, Jabatan Pendidikan, UPM, Serdang.

Atkinson, J.W. 1964. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Latihan ilmiah, Jabatan Pendidikan, UPM, Serdang.

Atkinson, J.W. and J.O. Raynor. 1974. *Motivation and Achievement.* New York: Winston.

Azliza Abdullah. 1992. Keberkesanan penggunaan modul motivasi dalam meningkatkan motivasi pencapaian pelajar-pelajar di salah sebuah sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian ilmiah, Universiti Pertanian Malaysia.

HABIBAH ALIAS. 1991. Kesan latihan motivasi pencapaian ke atas pelajar-pelajar universiti. Tesis PhD, Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

HOLLAND, J.L. 1995. *Making Vocational Choice: A Theory of Vocational Personalities and Work Environments.* Englewood Cliffs: Prentice Hall.

ISAAC S., & MICHAEL, W.B. (1984). Handbook in research and evaluation. San Deigo: Edits Publishers.

MCCLELLAND, D.C. 1961. *The Achieving Society.* Princeton: Van Nostrand.

MCCLELLAND, D.C. 1965. An achievement and entrepreneurship: A longitudinal study. *Journal of Psychology* **1**: 389-392.

MCCLELLAND, D.C. 1985. *Human motivation.* USA: Scott, Foresman and Company.

MEHRABIAN, A. (1968). Male and Female scales of the tendency to achieve Educational and Psyhological Measurement, **28**: 493-502)

MOHD ALI JAAMAT. 1997. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Latihan ilmiah, Jabatan Pendidikan, UPM, Serdang.

MOHD NOR. 1976. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Latihan ilmiah, Jabatan Pendidikan, UPM, Serdang.

NOWAK, G.T. 1986. *Western Michigan University Career Guidance Inventory Manual.* Kalamazoo, Michigan: Western Michigan University Testing and Evaluation Services.

SIDEK MOHD NOAH. 1992. Ujian dan inventori. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Pengujian dan Pengukuran,* UPM, Serdang, Selangor, 12-14 Julai.

SIDEK MOHD NOAH. 1993. Remaja dan kerjaya. Kertas kerja dibentangkan di *Seminar Kaunseling dan Kemanusiaan ke-3,* UPM, Serdang, Selangor.

SIDEK MOHD NOAH. 1996. *Modul EDU 3105: Penilaian dalam kaunseling.* Universiti Putra Malaysia, Serdang: IDEAL.

SURIYATI. 1989. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar tingkatan 4, Sekolah Menengah Undang Jelebu, Negeri Sembilan. Latihan ilmiah, Jabatan Pendidikan, UPM, Serdang.

TUCKMAN, B.W. 1978. *Conducting Educational Research,* 2nd edn. New York: Harcourt Brace Jovanovich.

ZALINA ABU BAKAR. 1994. Keberkesanan modul kaunseling kerjaya bersepadu terhadap ketidakpastian kerjaya pelajar tahun satu program matrikulasi, Kolej Pendita Za'ba, Universiti Pertanian Malaysia. Kajian ilmiah, Universiti Pertanian Malaysia.

ZARINA ABD. WAHAB. 1991. Keberkesanan modul motivasi terhadap peningkatan motivasi pencapaian pelajar matrikulasi, Kolej Pendita Za'ba, Universiti Pertanian Malaysia. Kajian ilmiah, Universiti Pertanian Malaysia.

(Diterima 15 September 1998)